

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.11.2017

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selain daripada penambahan senarai Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang ditarik semula, pencukaian ke atas transaksi digital oleh syarikat asing dan cukai pendapatan harta pusaka, apakah bentuk cukai lain yang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah fiskal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Kerajaan sentiasa mengambil langkah yang berterusan untuk memantapkan kedudukan fiskal negara. Selaras dengan itu, tumpuan

di berikan kepada langkah untuk mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dan meningkatkan lagi kecekapan mekanisme kutipan hasil. Langkah ini penting untuk meningkatkan tahap pematuhan di kalangan pembayar cukai. Antara langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Menambahbaik pentadbiran cukai supaya lebih cekap dalam urusan kutipan cukai;
- b. Meningkatkan penggunaan e-filing dan kemudahan untuk membayar cukai termasuk pembayaran cukai secara atas talian (*e-payment*);
- c. Meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui pendidikan supaya dapat meningkatkan kefahaman yang tepat dikalangan pembayar cukai; dan
- d. Mempergiatkan langkah penguatkuasaan dan pengauditan cukai di kalangan agensi kutipan cukai melalui perkongsian data dan maklumat pembayar cukai.

2) Seperti mana yang telah diumumkan di dalam Bajet 2017, Kerajaan telah melaksanakan *Collection Intelligence Arrangement* (CIA) sebagai salah satu usaha berterusan untuk mengurangkan

pengelakan dan pelarian cukai yang merugikan negara. Keanggotaan CIA adalah merangkumi Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. CIA menyediakan platform perkongsian maklumat bersepadu antara agensi bagi meningkatkan penguatkuasaan dan pematuhan yang sekali gus dapat menangani isu ketirisan hasil terutamanya melalui sektor ekonomi tidak formal.

3) Pada masa yang sama, Malaysia juga komited untuk memenuhi piawaian percukaian antarabangsa yang telah dipersetujui untuk membendung ketirisan hasil daripada pengelakan dan pelarian cukai (*tax avoidance and evasion*). Ini dilakukan menerusi inisiatif pertukaran maklumat yang mengikut piawaian antarabangsa bagi tujuan percukaian termasuklah pertukaran maklumat secara automatik. Langkah tersebut dapat meningkatkan pematuhan cukai berdasarkan pemerolehan maklumat yang tepat dan lengkap serta selaras dengan pelan tindakan *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) dalam memastikan sistem percukaian yang adil dan telus (*fair taxation and transparency*).

4) Dari sudut perbelanjaan pula, antara inisiatif utama adalah meningkatkan kecekapan perbelanjaan dengan mengukuhkan

mekanisme saringan bagi memastikan pengagihan sumber mengikut keperluan dan keutamaan. Langkah ini dilaksanakan dengan menyusun semula keutamaan program dan projek serta mengurangkan perbelanjaan tidak kritikal tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.